



18 NOV, 2022

TNB siap siaga pastikan bekalan stabil

Kosmo, Malaysia



Page 1 of 2

TNB siap siaga pastikan bekalan stabil

PETALING JAYA – Tenaga Nasional Berhad (TNB) sentiasa bersiap siaga bagi memastikan bekalan elektrik di 6,623 pusat mengundi dan 165 pusat penjumlahan rasmi di seluruh Semenanjung dalam keadaan baik pada hari pengundian Sabtu ini.

TNB dalam kenyataannya turut meminta pihak berkaitan agar tidak melakukan kerja pengorekan tanah pada hari berkenaan.

Ketua Pegawai Rangkaian Pembahagian TNB, Wan Nazmy Wan Mahmood berkata, ia bagi mengurangkan risiko tersentuh kabel elektrik sekali gus mengelakkan kemungkinan berlaku gangguan bekalan elektrik akibat kerosakan kabel.

"TNB turut menanggungkan kerja sedemikian bermula semalam (kelmarin) di samping memberi tumpuan memastikan kestabilan bekalan sepanjang Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) khususnya pada

malam keputusan diumumkan.

"Nasihat kami tangguh kerja pengorekan, jika tidak dapat dielakkan patuhilah prosedur yang ditetapkan agar kita dapat mengurangkan risiko gangguan," katanya di sini semalam.

Menurut kenyataan itu, TNB melakukan persiapan awal dalam usaha memastikan aspek teknikal, operasi dan perediaan bekalan elektrik ke lokasi-lokasi tersebut sentiasa terjamin.

"Kami menempatkan pasukan petugas bagi memantau dan bersedia untuk lokasi penting dan mendapat kerjasama Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR), Jabatan Kerja Raya dan pihak berkuasa tempatan di setiap negeri bagi mendapatkan maklum balas keperluan elektrik di kesemua pusat mengundi dan penjumlahan undi.

"Kami mengambil langkah yang perlu. Insya-Allah semuanya berada dalam keadaan terkawal," ujarnya.



PETUGAS SPR sibuk melakukan persiapan menjelang hari pengundian PRU15 esok.